Chong Meng Nian dan satu lagi lwn Ang Siew Ching (menuntut sebagai benefisiari dan isteri yang sah bagi Yong Yeng Kheng, si mati)

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — RAYUAN SIVIL NO 12–203 TAHUN 1997
ZALEHA ZAHARI H
13 JUN 2003

Undang-Undang Tort — *Kecuaian — Kemalangan jalanraya — Perlanggaran antara motorvan dan motorsikal — Pembahagian liabiliti — Sama ada rayuan terhadap kuantum dibenarkan agar kedua-dua pihak bertanggungjawab sama rata — Sama ada perintah hakim mahkamah sesyen berhubung baki pinjaman perumahan boleh diketepikan*

Ini adalah rayuan pihak defendan atas liabiliti dan sebahagian dari kuantum akibat dari satu kemalangan jalan raya di antara sebuah motorvan yang dipandu oleh perayu pertama dan motorsikal yang ditunggang oleh Yong Yeng Kheng (si mati) terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen ('HMS') yang mendapati pihak perayu 100% bertanggungjawab atas kemalangan tersebut serta satu isu berhubung dengan kuantum, iaitu sama ada baki pinjaman perumahan perlu diambilkira.

Diputuskan, membenarkan rayuan berhubung kuantum dan mengenepikan perintah hakim mahkamah sesyen berhubung baki pinjaman perumahan :

(1) Dalam kejadian yang telah berlaku, hakim Mahkamah Tinggi berpendapat kedua-dua pihak adalah bertanggungjawab sama rata bagi kemalangan ini kerana telah membelok ke kanan jalan masing-masing dalam keadaan yang tidak selamat bagi mereka berbuat sedemikian. Dalam hal sedemikian, hakim Mahkamah Tinggi telah membahagikan liabiliti 50:50 di antara pihak perayu dan pihak si mati (lihat ms 256H–I).

(2) Adalah amat jelas berasaskan kepada rekod di hadapan mahkamah bahawa permohonan untuk meminda dibuat secara lisan setelah HMS membuat keputusan atas liabiliti dan juga kuantum, iaitu setelah prosiding tamat. Hakim Mahkamah Tinggi memutuskan HMS telah tersilap dalam melayani permohonan untuk meminda pliding secara lisan oleh kerana beliau telahpun funtus officio dan tidak mempunyai kuasa untuk melayani permohonan untuk meminda berhubung dengan prosiding yang telahpun tamat itu (lihat ms 257B–C).

[English summary

This was the defendant's appeal with regards to the liability and part of the quantum due to the collision between a motorvan driven by the

A first appellant and a motorcycle driven by Yong Yeng Kheng (deceased) against the decision of the sessions court judge ('SCJ') who found the appellant 100% liable for the collision and an issue regarding the quantum, ie whether the balance sum of the housing loan should be considered.

B

Held, allowing the appeal regarding quantum and setting aside the sessions court judge's order regarding the balance sum of the housing loan:

(1) In the event that occured, the High Court judge was of the view C that both parties were equally liable for the collision because they had turned onto the right side of the road respectively which was dangerous for them to do so. In the circumstances, the High Court judge apportioned 50:50 liablility between the appellant and the deceased (see p 256H–I).

D (2) It was very clear based on the record in court that the application to amend was made orally after the SCJ had made the decision regarding the liability and also quantum, ie after the proceedings had ended. The High Court judge had decided that the SCJ had erred in handling the application to amend the pleading orally because he was already funtus officio adn did not have the E jurisdiction to handle the application to amend when the proceedings had already ended (see p 257B–C).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kemalangan jalanraya, lihat 12 *Mallal's* F *Digest* (4th Ed, 2002 Reissue) perenggan-perenggan 1056–1288.

Kes-kes yang dirujuk

Hock Hua Bank Bhd v Sahari bin Murid [1981] 1 MLJ 143 (dirujuk)

G

Rayuan daripada: Guaman Sivil No 73–116 tahun 1995 (Mahkamah Majistret, Kangar)

Ramanathan (*VP Nathan & Partners*) bagi pihak perayu.
Dato Rhina Bhar (*Rhina Bhar & Assoc*) bagi pihak responden.

H

Zaleha Zahari H: Ini adalah rayuan pihak defendan atas liabiliti dan sebahagian dari kuantum akibat dari satu kemalangan jalan raya di antara sebuah motorvan No PCE 7333 yang dipandu oleh perayu pertama dan motorsikal No PCH 6692 yang ditunggang oleh Yong Yeng Kheng (si mati) terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen ('HMS') bertarikh I 24 Oktober 1997 yang mendapati pihak perayu 100% bertanggungjawab atas kemalangan tersebut serta satu isu berhubung dengan kuantum, iaitu sama ada baki pinjaman perumahan perlu diambilkira.

Setelah mendengar hujahan kedua belah pihak, saya telah membenarkan rayuan pihak perayu terhadap liabiliti dan memerintahkan keputusan HMS berhubung dengan liabiliti diketepikan dan liabiliti dibahagikan 50-50 di antara pihak perayu dan pihak responden. Rayuan perayu terhadap kuantum telah juga benarkan. Keputusan HMS berhubung dengan baki pinjaman perumahan diketepikan dan saya memutuskan baki pinjaman perumahan si mati tidak boleh diambilkira dan seterusnya memerintahkan kos rayuan ini dan di peringkat bawahan diberi kepada perayu. Alasan-alasan saya adalah seperti berikut.

Di dalam kes seperti ini, beban bukti terletak ke atas pihak menuntut untuk membuktikan pihak defendan telah cuai dalam memandu kenderaannya. Dua saksi telah memberi keterangan berhubung dengan isu liabiliti bagi pihak plaintif, iaitu Heoh Kean Aun ('PW6'), pembonceng motosikal yang dipandu oleh si mati dan pegawai penyiasat ('IO').

PW6 telah memberi keterangan bahawa pada 27 Julai 1995 jam 6.15 petang, si mati yang sedang menunggang motorsikal No PCH 6692 telah berhenti untuk mengisi minyak di stesyen minyak yang terletak di Lebuh Bakau. Kemudiannya, si mati telah menunggang motorsikalnya keluar dari stesyen minyak tersebut. Si mati telah berhenti di persimpangan di antara 'Y' & 'Z' di eksh P1 oleh kerana trafik di Lebuh Bakau sibuk. Menurut PW6 lagi, si mati telah hanya keluar dari exit stesyen minyak dan masuk ke Lebuh Bakau apabila tidak ada kenderaan di Lebuh Bakau. Sebaik sahaja si mati membelok ke kanan jalan menghala ke Jelutong, perlanggaran telah berlaku di antara motorsikal si mati dan satu motorvan yang dipandu oleh perayu pertama. Menurut PW6, pada masa kemalangan berlaku, kedua-dua kenderaan berada dalam keadaan yang lurus.

Perayu pertama pula telah memberi keterangan bahawa pada hari dan masa yang sama, dia sedang memandu motorvan PCE 7333 menuju ke Lebuh Bakau dari Jalan Perak melalui Jalan Jelutong. Apabila dia sampai ke persimpangan Jalan Jelutung dengan Lebuh Bakau, oleh kerana dia ingin membelok ke kanan jalan dan dalam keadaan mana pada masa itu keadaan trafik bagi kenderaan di Jalan Jelutung dari arah Georgetown menghala ke Jelutong agak sibuk, dia telah menunggu di muka persimpangan jalan tersebut. Apabila trafik lapang, barulah dia membelok ke Jalan Bakau. Pada masa itu, motorsikal yang ditunggang oleh si mati telah keluar dari jalan kecil di sebelah kirinya telah membelok ke kanan jalan dan satu perlanggaran telah berlaku di antara motorvannya dengan motorsikal yang dipandu oleh si mati.

IO dalam keterangannya pula menyatakan dia telah pergi ke tempat kejadian pada 3 Ogos 1995, iaitu enam hari selepas kemalangan berlaku, Gambar-gambar telah diambil di tempat kejadian, serta juga kenderaan-kenderaan yang terlibat, pada tarikh yang sama iaitu, 3 Ogos 1995. Gambar yang telah diambil dan dikemukakan tidak menunjukkan sebarang kerosakan di bahagian hadapan motorsikal yang ditunggang oleh si mati.

Mahkamah mengambil maklum dari rajah kasar yang di sediakan oleh IO, jarak di antara exit stesyen minyak dengan persimpangan jalan dengan Jalan Jelutong adalah agak dekat, iaitu lebih kurang sepuluh meter sahaja.

Hujahan peguam perayu

Hujah peguam perayu, En Ramanathan, HMS telah tersilap di sisi undang-undang dalam memutuskan perayu pertama 100% bertanggungjawab dalam kemalangan ini. Hujahnya, pada masa yang berkenaan perayu pertama yang berada di jalan yang utama, iaitu, Lebuh Bakau, mempunyai 'right of way' berbanding dengan si mati yang telah keluar dari satu jalan yang lebih kecil (minor road). Menurut En Ramanathan lagi, motorsikal yang datang dari satu jalan yang lebih kecil perlu berhenti sehinggalah tidak ada kenderaan di jalan utama. Hujah En Ramanathan tidak mungkin motorsikal si mati keluar seperti yang dinyatakan oleh SP6 dan bahawa kedua-dua kenderaan berada dalam keadaan yang lurus oleh kerana tiada sebarang kerosakan di bahagian depan motorsikal si mati dan dengan itu SP6 tidak wajar dipercayai.

Peguam perayu menghujah mahkamah perlu juga mengambilkira fakta bahawa perayu pertama tidak memandu motorvannya dengan laju. Dalam keadaan ini, peguam perayu memohon supaya keputusan HMS berhubung dengan isu liabiliti diketepikan dan oleh kerana penunggang motorsikal lebih bersalah, liabiliti hendaklah dibahagikan $^{2}/_{3}$ ke atas si mati dan $^{1}/_{3}$ ke atas pihak perayu.

Berhubung dengan isu kuantum pula, En Ramanathan telah menarik perhatian mahkamah kepada ms 51 rekod rayuan dan bahawa isu pinjaman perumahan tidak diplidkan oleh responden. Walaupun keterangan berhubung dengan bayaran bulanan telah dikemukakan, oleh kerana isu ini tidak diplidkan sehingga perbicaraan tamat, peguam perayu menghujah HMS adalah funtus officio dan kuantum ini tidak wajar dibenarkan oleh mahkamah. Kes *Hock Hua Bank Bhd v Sahari bin Murid* [1981] 1 MLJ 143 telah dirujuk sebagai autoriti untuk menyokong hujahan beliau atas isu ini. Dalam keadaan sedemikian, peguam perayu memohon supaya rayuan berhubung dengan kuantum atas isu ini dibenarkan. Perayu juga memohon kos.

Hujahan peguam responden

Peguam responden dalam hujahan balasnya menghujah 'duty of care' adalah sama di antara seseorang yang ingin keluar dari satu jalan kecil untuk masuk ke jalan utama berbanding dengan seorang yang berada di jalan utama yang ingin membelok ke kanan jalan. Menurutnya lagi pengguna jalan raya perlu memastikan keadaan jalan adalah lapang sebelum dia membelok ke kanan jalan.

Peguam responden berhujah perayu pertama cuai kerana gagal memberi perhatian kepada keadaan trafik di Lebuh Bakau tetapi telah hanya memberi tumpuan kepada lalulintas di Jalan Jelutong. Perayu pertama dalam keterangannya telah memberitahu bahawa trafik di Jalan Jelutong sibuk pada masa itu dan dia telah membelok ke kanannya sebaik sahaja dia mempunyai peluang untuk berbuat sedemikian. Dalam pemeriksaan balas pula perayu pertama memberitahu mahkamah dia tidak nampak si mati keluar daripada stesyen minyak BP Station. Setelah

membelok masuk ke kanan jalan baru dia ternampak motorsikal si mati keluar daripada stesyen minyak BP.

Peguam responden telah menarik perhatian mahkamah kepada jarak muka persimpangan Lorong Bakau ke persimpangan keluar stesyen minyak di mana si mati berada, iaitu, lebih kurang 12 kaki. Panjang motor van perayu pula adalah 11 kaki. Dengan itu, berasaskan kepada keterangan perayu pertama sendiri, kemalangan berlaku sebaik sahaja dia masuk ke Jalan Bakau. Dalam keadaan ini peguam responden menghujah pemandu motorvan harus dipersalahkan kerana telah memasuki jalan si mati. Menurutnya lagi HMS telah membuat keputusan yang betul berhubung dengan isu liabiliti apabila dia memutuskan perayu cuai 100%.

Berhubung dengan isu kuantum pula, peguam responden berhujah mahkamah mempunyai budibicara untuk membenarkan pindaan pada bila-bila masa, termasuk juga di peringkat rayuan. Di dalam kes ini isteri si mati telah memberi keterangan bahawa si mati telah mengambil pinjaman dari bank untuk membeli apartment di mana mereka telah tinggal dan telah membayar RM413 sebulan. Peguam responden berpendapat tidak ada ketidakadilan kepada pihak perayu oleh kerana pihak perayu telah mempunyai peluang untuk menyoal balas. Menurut peguam responden lagi, dalam keadaan mana perintah masih belum dikeluarkan dan disempurnakan pada peringkat itu HMS mempunyai kuasa untuk meminda perintah berkenaan. Dalam keadaan ini, peguam responden memohon supaya mahkamah menolak rayuan berhubung dengan isu ini.

Keputusan

Liabiliti

Berhubung dengan isu liabiliti, berdasar kepada keterangan di dalam rekod rayuan dan setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak, keputusan saya adalah seperti berikut:

> Saya berpendapat seseorang yang ingin membelok ke kanan jalan perlu menjaga keselamatannya dan juga keselamatan orang lain untuk tidak membelok ke kanan jalan melainkan keadaan trafik adalah lapang bagi dia untuk berbuat demikian. Di dalam keadaan mana terdapat simpang kecil yang merupakan exit dari stesyen minyak yang amat dekat dengan satu persimpangan jalan utama, saya memutuskan kedua-dua pihak, kenderaan di jalan utama serta juga kenderaan dari jalan yang lebih kecil, perlu berhati-hati untuk tidak membelok ke kanan jalan masing-masing melainkan keadaan trafik lapang untuk membolehkan mereka berbuat demikian dengan selamat.

Dalam kejadian yang telah berlaku, saya berpendapat kedua-dua pihak adalah bertanggungjawab sama rata bagi kemalangan ini kerana telah membelok ke kanan jalan masing-masing dalam keadaan yang tidak selamat bagi mereka berbuat sedemikian. Dalam hal sedemikian, saya telah membahagikan liabiliti 50:50 di antara pihak perayu dan pihak si mati.

A *Kuantum*

Di dalam kes ini, menurut rekod, sebaik sahaja HMS memberi keputusannya terhadap liabiliti dan kuantum, permohonan telah dibuat oleh pihak plaintif untuk meminda pliding dan mahkamah telah membenarkan pindaan secara lisan yang dipohon walaupun pihak peguam
B perayu telah membantah kepada permohonan untuk meminda itu.

Adalah amat jelas berasaskan kepada rekod di hadapan mahkamah bahawa permohonan untuk meminda dibuat secara lisan setelah HMS membuat keputusan atas liabiliti dan juga kuantum, iaitu setelah prosiding tamat. Saya memutuskan HMS telah tersilap dalam melayani permohonan untuk meminda pliding secara lisan oleh kerana beliau telahpun funtus
C officio dan tidak mempunyai kuasa untuk melayani permohonan untuk meminda berhubung dengan prosiding yang telahpun tamat itu. Dalam keadaan sedemikian, saya memutuskan HMS telah tersilap dalam melaksanakan kuasa untuk membenarkan permohonan untuk meminda secara lisan yang dibuat oleh pihak responden. Oleh itu, rayuan berhubung
D isu kuantum dibenarkan dan perintah HMS yang memutuskan untuk membenarkan jumlah yang tidak diplidkan telah diketepikan.

Rayuan berhubung kuantum dibenarkan dan perintah hakim mahkamah sesyen berhubung baki pinjaman perumahan diketepikan.

E Dilaporkan oleh Ezatul Zuria Azhari

F

G

H

I